

07/08/2003

Kabinet kekal kadar tol Jambatan Pulau Pinang

Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR: Kabinet semalam memutuskan untuk mengekalkan kadar tol Jambatan Pulau Pinang sehingga September 2004 walaupun ia boleh dinaikkan mengikut perjanjian antara kerajaan dengan syarikat konsesi.

Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata sejak Penang Bridge Sdn Bhd (PBSB) mula mengutip tol pada 30 September 1993, kadarnya belum pernah dinaikkan.

Mengikut perjanjian, kadar tol sepatutnya dinaikkan dua peratus setahun, tetapi kenaikan pertama yang dijadualkan pada 1998 ditangguhkan atas permintaan kerajaan kerana negara mengalami kegawatan ekonomi.

"Memandangkan tol bagi Jambatan Pulau Pinang tidak dinaikkan pada 1998, kerajaan terpaksa membayar pampasan RM41 juta kepada PBSB untuk tempoh lima tahun lalu dan saya harap pengguna, terutama penduduk Pulau Pinang sedar mengenai hakikat ini.

"Walaupun jumlah kenderaan yang menggunakan laluan ini melebihi unjuran, ia tidak dapat menampung ganti rugi yang terpaksa dibayar kerajaan kerana tidak menaikkan tol," katanya pada sidang akhbar di pejabatnya, semalam.

Baru-baru ini, Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata kerajaan negeri membantah sebarang cadangan menaikkan tol Jambatan Pulau Pinang sekarang kerana masanya tidak sesuai dan syarikat konsesinya memperoleh pendapatan melebihi unjuran asal.

Katanya, bilangan kenderaan menggunakan jambatan itu sudah melepasi unjuran awal sejak 1998 lagi dan ini bermakna pendapatan PBSB turut melebihi daripada yang dijangkakan.

Kira-kira 120,000 kenderaan menggunakan laluan itu setiap hari. Penunggang motosikal dikenakan bayaran RM1.40, kereta (RM7) dan van (RM12) manakala kenderaan berat kelas IV dikenakan RM25, kelas V (RM45), kelas VI (RM60) dan kelas VII dikenakan RM70 iaitu mengikut kiraan gandar.

Samy Vellu berkata, jika kadar tol dinaikkan pada 1998, pengguna terpaksa membayar RM1.50 bagi penunggang motosikal, kereta (RM7.70) dan van (RM13.20) manakala kenderaan berat kelas IV RM27.60, kelas V (RM49.70), kelas VI (RM66.20) dan kelas VII dikenakan RM82.80.

Mengikut perjanjian konsesi, unjuran kenaikan tol bagi tahun ini pula ialah RM1.70 bagi penunggang motosikal, kereta (RM8.50) dan van (RM14.60) manakala kenderaan berat kelas IV RM30.50, kelas V (RM54.90), kelas VI (RM73.10) dan kelas VII dikenakan RM91.40.

Perjanjian yang sama juga menetapkan, sekiranya kutipan melebihi unjuran, keuntungan selebihnya itu akan dikongsi sama rata antara kerajaan dan PBSB.

Perolehan kerajaan berikutan kadar pengguna jambatan Pulau Pinang yang melebihi unjuran berjumlah RM9.11 juta bagi 1998, RM12.37 juta (1999), RM15.49 juta (2000), RM15.2 juta (2001), dan RM10.22 juta bagi tahun 2002.

Setakat ini, pampasan yang dibayar kerajaan kepada PBSB berjumlah RM1.83 juta bagi 1998, RM7.73 juta (1999), RM8.16 juta (2000), RM8.61 juta (2001), RM8.59 juta (2002) dan unjuran bagi tahun ini pula ialah RM6.8 juta.

Bagaimanapun, kerajaan masih membayar balik ansuran hutang RM250 juta bagi membiayai kos pembinaan jambatan terbabit selain terpaksa membayar pampasan kepada PBSB kerana kadar tol tidak dinaikkan seperti dijadualkan dalam perjanjian konsesi.

Mei lalu, Pengarah Eksekutif PBSB, Aminuddin Yusof Lana berkata mengikut perjanjian, syarikatnya dibenar menaikkan kadar tol sebanyak 10 peratus

setiap lima tahun.

Jambatan Pulau Pinang adalah jambatan ketiga terpanjang di dunia dengan ukuran 13.5 kilometer dan mula digunakan pada 1998.

Sementara itu, ditanya mengenai keengganan Kelantan dan Terengganu menyerahkan hak pengurusan air kepada kerajaan Pusat, Samy Vellu berkata isu itu tidak wajar dibangkitkan sekarang selepas masing-masing bersetuju pada mesyuarat Majlis Sumber Air Negara (MSAN) minggu lalu.

Beliau berkata, wakil kerajaan negeri Terengganu dan Kelantan dalam mesyuarat MSAN bersetuju dengan cadangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga pengerusi MSAN, untuk memindahkan hak pengurusan air kepada Kerajaan Pusat.